



4th Issue **VOLUME 2 : NOVEMBER 2025**

UiTM MUKAH BULLETIN

Inou Dengah UiTM Mukah?

4th Issue | Volume 2 | November 2025



TABLE OF CONTENT

- 01** From Rector's Desk
- 02** From Assistant Rector's Desk
- 03** Chief Editor's Note
- 04** Editorial Board
- 05** Highlights
- 10** News and Articles
- 43** Congratulations!
- 72** Thank You
- 73** Press and Media Coverage



EDITORIAL BOARD

Professor Dr. Firdaus Abdullah
Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah
Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi
Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**
Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph
Ms. Cindy Robert
Ms. Fakhira Jafri
Ms. Shirley Clare Jeri
Mrs. Nur Nadia Qausar Juhari

Mr. Shileyiusken Mijen
Webmaster

Mrs. Irene Seluroh
Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat
Photographer

Ms. Nuranissa Mercy Punai
Internship Trainee

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 4 November 2025

NEWS AND ARTICLES

USAHA FAKULTI BANTU PELAJAR MELALUI BENGKEL PERSEDIAAN UJIAN

Penulis: Hazfina Mohamed Idris dan Muhammad Zulkhairi Zakariah

Pada 28 Jun 2025 yang lalu, Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM), UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah telah menganjurkan satu program ilmiah di bawah kelolaan para pensyarah kursus *Business Mathematics* (MAT112). Bengkel ini merupakan program berkala yang dianjurkan oleh FSKM pada setiap semester. Bengkel Persediaan Ujian *Business Mathematics* ini bertujuan khusus untuk mempersiapkan mental dan fizikal para pelajar dalam menghadapi ujian bagi kod kursus MAT112. Seramai 38 orang peserta telah menyertai bengkel ini dan mereka terdiri daripada pelajar yang mendaftar kursus MAT112 pada Semester Mac 2025.

Empat orang penceramah telah dijemput untuk menjayakan program ini. Para penceramah tersebut merupakan pensyarah bidang yang berpengalaman dan mempunyai kepakaran dalam subjek Matematik. Bengkel yang berlangsung selama sehari ini dimulakan dengan sesi motivasi ringkas kepada para peserta, sebelum diteruskan dengan pengisian utama bengkel. Sesi pada waktu pagi merangkumi aktiviti latih tubi serta perbincangan berfokus yang melibatkan topik-topik utama kursus. Sepanjang sesi tersebut, para penceramah memberikan penjelasan dan bimbingan secara individu kepada peserta yang menghadapi kesulitan. Peserta kemudiannya diberikan tempoh rehat selama satu jam tiga puluh minit untuk makan dan menunaikan solat Zohor.

Sesi bengkel disambung pada sebelah petang dengan tumpuan khusus kepada perbincangan soalan-soalan ujian semester lepas. Peserta diminta menjawab soalan-soalan tersebut terlebih dahulu sebelum penceramah menghuraikan setiap soalan secara terperinci. Selain itu, para penceramah turut menekankan kesilapan dan kecuaiian lazim yang sering dilakukan oleh pelajar semasa menjawab ujian. Sepanjang sesi berlangsung, para peserta memberikan tumpuan sepenuhnya serta menunjukkan penglibatan aktif melalui pertanyaan dan maklum balas yang membina kepada penceramah. Sebilangan besar peserta memberikan maklum balas bahawa penganjuran program ini merupakan inisiatif yang amat bertepatan dan bermanfaat. Secara keseluruhannya, mereka merasakan bahawa program ini sangat membantu dalam persediaan menghadapi ujian MAT112, khususnya melalui sesi perbincangan secara individu (*one-to-one*) bersama penceramah.



Sesi bersama Cik Hazfina Mohamed Idris dan Dr. Muhammad Shahimi Ariffin



Telephone/Fax
084-876100/084-876300



Email Address
korporat_swk@uitm.edu.my



Website
<https://sarawak.uitm.edu.my/>



Address
**Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak Kampus Mukah,
KM 7.5 Jalan Oya,
96400 Mukah, Sarawak.**

eISSN 2976-257X



9 7 7 2 9 7 6 2 5 7 0 0 9